

KESUMA sedia dana RM2.65 juta latih 10,000 pekerja pelancongan

Tawar kursus percuma asas keselamatan, kesihatan peserta sempena TMM2026

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Bangi: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memperuntukkan RM2.65 juta bagi pelaksanaan Program Latihan Induksi Keselamatan untuk Industri Pelancongan (SITI) yang akan melatih secara percuma 10,000 peserta daripada sektor pelancongan di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri R Ramanan, berkata program berkenaan menawarkan kursus asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) secara percuma sebagai sokongan kepada kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Beliau berkata, program akan dianjurkan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOH) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan,



Ramanan (kanan) bersama Khairul Firdaus (tengah) dan Chieng Jen (kiri) pada sesi taklimat di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, Bandar Baru Bangi, semalam.

(Foto BERNAMA)

Seni dan Budaya (MOTAC).

“Program dirancang khusus bagi memastikan tenaga kerja dalam sektor pelancongan mempunyai pengetahuan untuk mencegah insiden, mengawal risiko di tempat kerja serta mematuhi peruntukan undang-undang, khususnya Akta

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.

“Ia ditawarkan kepada kumpulan sasaran termasuk pemandu pelancong, pengusaha produk pelancongan, pekerja dan kontraktor industri pelancongan serta kakitangan dan penyedia pengina-

pan,” katanya pada sidang media selepas lawatan rasmi ke Ibu Pejabat NIOH, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akhbar Khan dan Pengerusi NIOH, Chong Chieng Jen.

Program secara berfasa

Ramanan berkata, program SITI akan berlangsung tujuh jam dan dilaksanakan sama ada secara dalam talian atau bersemuka di fasiliti NIOH di seluruh negara.

Katanya, permohonan boleh dibuat secara dalam talian bermula 25 Januari 2026 menerusi laman sesawang www.niosh.com.my, manakala pelaksanaan program akan dijalankan secara berfasa dengan tarikh dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh pihak NIOH.

“Peserta yang berjaya menamatkan kursus akan menerima pasport keselamatan digital (e-kad) dengan tempoh sah laku selama dua tahun.

“Sama seperti pasport keselamatan NIOH bagi industri lain, pemegang pasport keselamatan SITI turut akan mendapat perlindungan insurans sepanjang masa, sama ada di dalam atau ketika berada di luar negara,” katanya.

Beliau berkata, KESUMA serta semua agensi di bawahnya akan memberikan komitmen dan sokongan penuh bagi membantu Kerajaan MADANI menjayakan TMM2026 yang dijangka akan menarik 47 juta pelawat antarabangsa dengan sasaran pendapatan pelancongan hampir RM100 bilion.